

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 Kesimpulan dan Rumusan

Daripada fakta-fakta yang telah dibincangkan di atas, jelas menunjukkan bahawa sistem pusaka Islam telah diamalkan di Daerah Muar sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Ia telah diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Islam di negara ini. Manakala sebahagian kecil menerima pakai sistem pusaka berasaskan adat. Ini memandangkan sistem pusaka tersebut telah diterima pakai di kebanyakan negeri-negeri di Tanah Melayu seperti Negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Manakala di Negeri Sembilan dan beberapa daerah di Negeri Melaka bula, mengamalkan sistem pusaka yang berdasarkan kepada Adat Perpatih.

Namun, kedatangan Inggeris pada tahun 1786, telah memberi kesan kepada pemakaian sistem pusaka Islam di Tanah Melayu. Ia bermula pada tahun 1880, apabila Inggeris memperkenalkan sistem pusaka Inggeris di Tanah Melayu melalui satu peruntukan di dalam Mahomedan Ordinance 1880. (No. 5 of 1880). Di dalam seksyen 27 Ordinan tersebut memberuntukkan bahawa pembahagian harta pusaka suami isteri mestilah dilaksanakan berdasarkan undang-undang British kecuali terdapat persetujuan di kalangan mereka supaya pembahagian harta tersebut dilaksanakan mengikut undang-undang Islam.

Walau bagaimanapun, peruntukan ini telah dibindarkan pada tahun 1923 melalui Mahomedan Ordinance (Amendment) 1923. (No. 26 of 1923). Di dalam Ordinan pindaan ini. Inggeris telah memperakui pemakaian sistem pusaka Islam bagi orang-orang Islam dengan memperuntukkan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam adalah tertakluk kepada undang-undang Islam. Dengan pindaan ini, sebarang pembahagian harta yang berkaitan dengan harta pusaka orang-orang Islam akan dilaksanakan mengikut sistem pusaka Islam.

Di samping itu, Inggeris turut memberkenalkan undang-undang yang berkaitan dengan pemegangan tanah di Tanah Melayu. Ia dilakukan dengan melaksanakan suatu undang-undang tanah yang berasaskan kepada Sistem Torrens iaitu sistem pendaftaran hakmilik yang dinamakan "Land Code 1926" di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Melalui sistem ini. semua urusan yang berkaitan dengan pemilikan tanah sama ada melalui pusaka atau sebagainya hendaklah didaftarkan di dalam buku pendaftaran hakmilik di bawah kawalan Pendaftar Hakmilik dan diperakui oleh Pemuncut Hasil Tanah. Di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu pula. Inggeris telah melaksanakan undang-undang yang dinamakan "Land Legislation". Manakala di Negeri-negeri Selat, Inggeris telah melaksanakan suatu sistem yang dinamakan sistem surat ikatan (*deed system*). Bagi mewujudkan satu bentuk undang-undang tanah yang sera-

gam di seluruh negeri-negeri Tanah Melayu kecuali Negeri-negeri Selat, pada tahun 1948 Inggeris telah memansuhkan undang-undang "Land Legislation" yang diamalkan di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu dan menggantikan dengan undang-undang tanah "Land Code 1926" yang diamalkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Apabila Tanah Melalu mencapai kemerdekaan, kerajaan telah menggubal Akta Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 untuk dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang dan Melaka. Melalui Akta ini, kerajaan telah memperkenalkan Sistem Torrens dan menverapkan sistem surat ikatan yang dilaksanakan sebelum ini. Bagi mewujudkan satu undang-undang tanah yang seragam, kerajaan telah menggubal Akta Parlimen 1965 dengan meluluskan Kanun Tanah Negara 1965 dan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1966. Dengan penggubalan Kanun tersebut, seuala urusan tanah berkaitan dengan undang-undang pemegangan tanah di semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan kepada Sistem Torrens.

Bagi melicinkan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Tanah Melayu, Inggeris juga telah menggubal Enakmen Probet dan Pentadbiran 1900 di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Enakmen ini kemudian dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen Persekutuan Probet 1920. Ia merangkumi urusan pembahagian pusaka bagi orang-orang Islam dan bukan Islam. Tetapi dalam penentuan ahli-ahli waris dan kadar pusaka orang-orang Islam, ia diletakkan

di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi. Manakala urusan pentadbiran pusaka diletakkan di bawah pentadbiran Mahkamah Sivil. Manakala di Negeri-negeri Melalu Tak Bersekutu bula. urusan pentadbiran pusaka diletakkan di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah menaikut negeri masing-masing. Namun, perlaksanaannya tetap mencontohi Enakmen Probet dan Pentadbiran yang dilaksanakan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melalu Bersekutu.

Pada tahun 1955, Inggeris telah mengantikan Enakmen di atas dengan menggubal Ordinan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Ordinan ini kemudiannya dipinda kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Akta ini dikuatkukan di seluruh negeri-negeri Tanah Melalu secara berperingkat-peringkat. Akta ini diwujudkan bagi memudahkan murah dan mempercepatkan pengendalian dan pengurusan sesuatu tuntutan pembahagian pusaka kecil yang berkaitan dengan tanah yang nilainya tidak melebihi RM5 ribu.

Apabila negara mencapai kemerdekaan, kerajaan masih lagi menerima pakai Akta tersebut tetapi dengan melakukan beberapa perubahan kecil bagi mempermudah urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di samping menggubal beberapa undang-undang yang berkaitan dengan urusan pentadbiran dan pembahagian harta tersebut. Pada tahun 1959.

kerajaan telah menggubal Ordinan Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959, sebelum dipindah kepada Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959. Akta ini adalah berkaitan dengan cara-cara mendapatkan surat kuasa wasiat dan surat kuasa mentadbir harta pusaka. Pada peringkat awal. Akta ini memperuntukkan tuntutan ke atas harta sama ada harta alih dan harta tak alih yang nilainya melebihi RM300 ribu. Tetapi pada tahun 1989, nilai tuntutan ini telah dinaikkan kepada RM600 ribu. Kerajaan juga telah meminda bidangkuasa Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dengan menaikkan jumlah tuntutan daripada RM5 ribu kepada RM300 ribu pada tahun 1979 dan jumlah nilaiannya ini dinaikkan lagi kepada RM600 ribu pada tahun 1989.

Pada tahun 1995, kerajaan telah mencubal suatu Akta yang dinamakan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Akta ini memberi kuasa kepada Amanah Raya Berhad untuk mentadbir dan menguruskan pembahagian harta ke atas harta alih yang nilainya tidak melebihi RM600 ribu. Bagi mentadbir harta tak alih dan harta yang melebihi nilaiannya tersebut. Amanah Raya Berhad perlu mendapatkan surat kuasa mentadbir daripada Mahkamah Tinggi bagi menguruskan pembahagian harta tersebut.

Dengan penggubalan ketiga-tiga Akta di atas. semua urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di negara ini dikendalikan oleh tiga agensi berikut iaitu Unit Penyelesai Pusaka Kecil. Amanah Raya

Berhad dan Mahkamah Tinggi.

Selain daripada Akta-akta di atas, terdapat juga Akta-akta lain yang berkaitan dengan urusan pembahagian harta pusaka sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuklah Undang-undang Syariah, Undana-undana Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri-negeri, Enakmen Rezab Melalu bagi setiap negeri-negeri, Enakmen Pegangan Tanah Adat yang menentukan pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Akta Kesahteraan Anak 1961, Seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) 1992, yang memperuntukan sebarang pindahmilik tanah si mati kepada ahli waris yang bukan warganegara Malaysia hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Akta Umur Dewasa 1971, Ordinan Pengangkatan Anak 1952, Akta Pemerintahan Amanah 1949, Ordinan Cacat Akal 1952, Akta Keterangan 1950, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan sebagainya.

Namun begitu, kerajaan masih lagi menerima pokai sistem pentadbiran pusaka yang diamalkan oleh penjajah Inggeris dengan memberikan bidangkuasa mutlak kepada Mahkamah Tinggi berbanding Mahkamah Syariah dalam melaksanakan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar. Ini dapat dilihat daripada peruntukan di dalam Akta-akta yang berkaitan. Misalnya, dalam seksyen

59(3)(b)(iv), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978 memperuntukan secara jelas bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa mengesahkan ahli-ahli waris dan menentukan bahagian mereka mengikut hukum syarak. Lain-lain bidangkuasa terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Sivil.

Walau bagaimanapun, dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar, ia telah dilaksanakan secara teratur mengikut Akta dan peraturan yang telah ditetapkan. Ini bersesuaian dengan kehendak Islam walaupun Islam tidak menetapkan sesuatu peraturan tertentu yang perlu dipatuhi asalkan ia berupaya mencapai matlamat pembahagian harta yang ditentukan syarak. Ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada manusia untuk merangka suatu undana-undana dan peraturan serta pengurusan harta pusaka yang terbaik.

Di samping itu, kajian ini juga telah mengenalpasti jenis-jenis harta yang dimiliki oleh orang-orang Islam di Daerah Muar. Harta-harta itu terdiri daripada: pertama, harta milik persendirian termasuklah harta alih dan harta tak alih sama ada harta itu diperolehi melalui hasil usaha sendiri, secara bersyarikat, melalui pewarisan atau melalui tuntutan harta sepencarian. Kedua, harta yang ditadbir oleh agensi-agensi kerajaan seperti Tanah Rancangan Felda, Tanah Felcra dan Tanah Rancangan Berkelompok.

Dalam mengendalikan urusan pentadbiran harta pusaka di Daerah Muar, ia dikendalikan oleh lima agensi berikut: pertama, Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah Muar; kedua. Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar; ketiga. Amanah Raya Berhad cawangan Muar; keempat, Mahkamah Syariah dan kelima Mahkamah Tinggi Muar.

Manakala dalam menyelesaikan urusan pembahagian pusaka pula, terdapat dua kaedah pembahagian yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Daerah Muar iaitu kaedah pembahagian secara *farā'id* dan kaedah persetujuan bersama (*muafakat*). Kedua-dua kaedah pembahagian ini digunakan ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Semua ahli waris diberikan kebebasan untuk memilih kaedah yang dipersetujui mereka dengan penuh kerelaan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Tetapi dalam melaksanakan kaedah *farā'id* ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan, ia dilakukan di atas budi bicara Pegawai Pentadbir Pusaka. Ini memandangkan terdapat sekatan di dalam seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelomboek) 1960 yang menghalang sebarang pemilikan secara beramai-ramai atau melakukan pecah milik sebagaimana tanah milik persendirian.

Melalui kaedah pembahagian secara *farā'id* pembahagian-nya dilakukan berdasarkan Sijil Akuan Faraid yang diperolehi daripada Mahkamah Syariah mengikut kadar masina-masina

sama ada satu perdua, satu pertiga, satu perempat, satu perenam, satu perlapan, dua pertiga ataupun 'asabah. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat pusaka yang ditentukan di sambung tiada halangan-halangan pusaka. Manakala kaedah pembahagian melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat) pula dilakukan dengan beberapa cara sama ada harta-harta tersebut akan dibahagikan dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan atau dengan cara menverahkan harta tersebut kepada salah seorang di kalangan ahli-ahli waris.

Secara umumnya, Islam menetapkan apabila berlaku kematian, harta peninggalan si mati hendaklah dibahagikan mengikut kaedah pembahagian secara *farā'id* sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam al-Qurān dan al-Hadīth. Ini memandangkan melalui kaedah pembahagian tersebut, semua ahli waris akan mendapat bahagian mereka mengikut kadar yang telah ditetapkan secara adil menurut ketetapan syarak.

Namun, Islam mengharuskan pemakaian sesuatu kaedah pembahagian pusaka yang sesuai asalkan ia memberikan keadilan kepada ahli-ahli waris. Ia hendaklah dilakukan dengan penuh kerelaan di mana ahli-ahli waris bersetuju menverahkan sebahagian atau kesemua bahagian yang diperuntukkan kepada-nya kepada ahli-ahli waris yang lain.

Berdasarkan kepada kaedah persetujuan bersama (muafakat) yang diamalkan secara turun temurun oleh orang-orang Islam di Daerah Muar, penulis berpendapat ia merupakan suatu kaedah yang menepati kehendak syarak. Ini memandangkan wujudnya persetujuan dan redha-meredhai di kalangan ahli waris dalam melaksanakan kaedah pembahagian tersebut.

Sebenarnya, dalam membicarakan kaedah pembahagian ini. Islam telahpun mengadakan suatu kaedah pembahagian yang dinamakan *al-takharuj*. Melalui kaedah ini. ahli-ahli waris dibenarkan menarik diri daripada menerima bahagian berasa yang diperuntukkan kepadanya sama ada sebahagian atau kesemuanya kepada ahli-ahli waris yang lain secara sukarela dengan ahli-ahli waris yang lain membavar gantirugi kepadanya dengan sebab penarikan tersebut. Para ulama fikh telah bersepakat bahawa kaedah ini diharuskan asalkan ia dilakukan secara sukarela dan redha-meredhai di kalangan ahli waris. Namun, mereka hendaklah diberikan sesuatu yang tertentu sebagai bayaran gantirugi daripada habuan yang sepatutnya diterima oleh ahli waris tersebut. Dengan kaedah ini juga, ahli-ahli waris diharuskan untuk mengesepakatkan kaedah pembahagian secara *farā'id* dan bersetuju memilih kaedah pembahagian yang sesuai dengan kedudukan harta si mati.

Walau bagaimanapun, bagi membicarakan bavaran gantirugi sebagaimana yang dianjurkan di dalam kaedah ini. para ilmuan

Islam berpendapat ia bukanlah suatu kewajipan kepada ahli waris yang diserahkan bahagian pusaka kepadanya tetapi ia tidak lebih daripada pemberian ihsan daripada ahli waris tersebut. Ini memandangkan telah wujud persetujuan dan redha-meredhai di kalangan ahli waris sebelum menerima kaedah pembahagian tersebut.

Dengan adanya kaedah pembahagian persetujuan bersama (muafakat) ini, ia bukan sahaja memudahkan urusan pembahagian harta pusaka malah harta tersebut dapat diusaha dan dimajukan oleh ahli-ahli waris dengan sedera dan penuh tanggungjawab. Ini terbukti, melalui analisa yang dilakukan oleh penulis mendapati sebahagian besar orang-orang Islam di Daerah Muar telah memilih keadah persetujuan bersama (muafakat) dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka tersebut sama ada ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan.

Walau bagaimanapun, tidak semua ahli waris dapat memilih kaedah pembahagian secara bebas. Ini kerana terdapat di kalangan mereka yang terhalang daripada menerima tanah pusaka disebabkan oleh sekatan undang-undang. Bagi ahli-ahli waris memiliki harta milik persendirian, mereka dihalang oleh Enakmen Rezab Melayu Johor 1936, dan seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) 1992. Bagi ahli-ahli waris yang memiliki tanah yang ditadbir oleh agensi kerajaan pula, mereka dihalang oleh Akta Tanah (Kawasan Penempatan

Berkelompok) 1960 yang menghadkan pindah hakmilik tanah kepada seorang pengganti dan melarang sebarang pemilikan secara beramai-ramai atau melakukan pecah hakmilik ke atas tanah tersebut.

Melalui kajian ini juga, beberapa permasalahan telah dikenalpasti sebagai punca kelemahan dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar. Permasalahan tersebut terdiri daripada tiga faktor berikut iaitu masalah di kalangan ahli waris sendiri. masalah pentadbiran dan masalah berundangan. Permasalahan-permasalahan tersebut ternyata telah menimbulkan beberapa kesan negatif dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka tersebut. Antaranya, kelewatan dalam menyelesaikan sesuatu urusan pembahagian harta pusaka memungkinkan berlakunya pertikaian yang berpanjangan di kalangan ahli waris dan sebagainya. Di samping itu, ia turut menimbulkan beberapa kesan negatif kepada sistem sosial dan ekonomi. Antaranya, masalah tanah-tanah pusaka yang terbiar, nilai tanah yang rendah dengan sebab berlakunya pemilikan secara beramai-ramai di atas sekeping tanah dan sebagainya.

Melalui kajian ini juga dapat dibuat kesimpulan bahawa sistem pusaka Islam yang dikenali sebagai sistem *fara'id* merupakan suatu sistem pembahagian harta pusaka yang terbaik, adil dan teratur. Ia merupakan salah satu sistem yang

ditentukan oleh Allah s.w.t sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qurān dan al-Hadīth. Dalam melaksanakan kaedah pembahagiannya, sistem pembahagian ini telah menetapkan kadar dan penerimanya dengan berdasarkan kepada sifat-syarat tertentu. Dalam menetapkan kadar misalnya, sistem *farā'id* telah menentukan kadar yang lebih kepada ahli waris lelaki berbanding ahli waris perempuan. Ini memandangkan ahli waris lelaki mempunyai tanggungjawab dan amanah yang lebih berat berbanding ahli waris perempuan. Manakala dalam menentukan penerimanya pula, ia telah menetapkan bahawa mereka yang mempunyai hubungan darah dan perkahwinan dengan si mati berhak menerima harta tersebut. Justeru itu, Islam telah menetapkan bahawa setiap ahli waris berhak menerima bahagian pusaka yang diperuntukkan kepadanya kecuali sekiranya ia terhalang daripada menerima bahagian pusaka tersebut dengan sebab-sebab tertentu.

Di samping itu, sistem pusaka Islam bukan sahaja menghapuskan ketidakadilan yang diamalkan dalam sistem pusaka masyarakat Arab Jahiliah dan Yahudi malah mendikis semangat kesukuan dan kekeluargaan sebagaimana yang diamalkan di dalam masyarakat tersebut. Islam mengakui hak setiap ahli waris yang berhak menerimanya tanpa membeza-bezakan di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan.

Dengan kaedah pembahagian yang teratur dan adil, sistem *farā'id* bukan sahaja menjamin kebahagian hidup malah beru-

paya memperteguhkan ikatan kekeluargaan dan menderatkan permuafakatan sesama ahli keluarga. Ini memandangkan sistem *farā'īd* adalah suatu sistem pembahagian harta yang lebih mengutamakan semangat persaudaraan, menjalin hubungan kasih sayang di samping mengikis semangat kesukuan yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan ahli keluarga.

Berdasarkan kajian ini, penulis merumuskan terdapat beberapa perkara perlu dicadangkan bagi mengatasi kelemahan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam khususnya di Daerah Muar:

a). Menggiatkan lagi usaha memberi khidmat nasihat, penerangan dan ceramah yang berkaitan dengan kepentingan sistem tersebut bagi memastikan masvarakat benar-benar memahami kepentingan sistem *farā'īd*. Dengan ini, ia dapat menghapuskan segala tanggapan negatif di kalangan masvarakat terhadap pemakaian sistem pusaka Islam seperti wujudnya tanggapan bahawa sistem *farā'īd* lebih menutamakan kepada ahli waris lelaki berbanding ahli waris perempuan.

b). Meletakkan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah sepenuhnya. Bukan sahaja berhak menentukan ahli-ahli waris dan bahagian mereka menurut hukum syarak, malah berhak mendengar, menentu dan memutus kes-kes perbicaraan yang

berkaitan dengan tuntutan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam. Ini termasuklah memutuskan sebarang kes rayaan yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka tersebut. Ini bersesuaian dengan Jadual Kesembilan. Senarai 2(1). Senarai Negeri. Ia dikuatkan lagi dengan peruntukan di dalam perkara 121 (1)(A) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa mencampuri perkara-perkara yang menjadi bidangkuasa Mahkamah Syariah. Di samping itu, ia dapat mengelakkan sebarang kekeliruan di kalangan ahli waris dalam membuat tuntutan pembahagian ke atas harta pusaka.

c). Mengemaskinikan peruntukan di dalam seksyen 133(3). Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978 yang berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian. Peruntukan ini hendaklah menyatakan secara jelas bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam membicarakan sebarang kes tuntutan ke atas harta tersebut disebabkan oleh perceraian mati. Ini bagi membolehkan bala si mati membuat tuntutan ke atas harta tersebut sebelum pembahagian pusaka ke atas harta si mati dilakukan.

d). Untuk mengatasi masalah ketidakhadiran ahli-ahli waris semasa perbicaraan diadakan menurut seksyen 6(4). Peraturan-peraturan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, seksyen ini perlu ditambah dengan menjadi suatu kes lahan di bawah seksyen, 176 Kanun Keseksaan bagi seseorang yang dipaksa menurut undang-undang memberi pengetahuan dan

maklumat telah meninggalkan dengan sengaja daripada memberi pengetahuan atau maklumat tersebut pada waktu yang dikehendaki oleh undang-undang. Ia bertujuan supaya ahli-ahli waris akan lebih bertanggungjawab dengan menghadiri perbicaraan yang ditetapkan agar tidak mengganggu perbicaraan dan kehadiran ahli-ahli waris yang lain.

e). Menambah satu peruntukan khas menaenai pemilikan tanah bagi ahli-ahli waris Islam yang terlibat di dalam seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) 1992 dan Enakmen Rezab Melayu Johor 1936. Cadangan pindaan ini membolehkan ahli waris tersebut mendapat bavaran nilai daripada bahagian harta pusaka yang diperolehinya bagi memenuhi keperluan di dalam kedua-dua peruntukan undang-undang tersebut.

f). Melakukan pindaan ke atas seksyen 16. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Ia dilakukan dengan memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah untuk menjual pegangan tanah tersebut kepada seorang ahli waris sekiranya berlaku kematian pemegangnya. Hasil daripada jualan ke atas tanah tersebut hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris mengikut hukum syarak. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk mengelakkan daripada sebarang percanagahan dengan hukum syarak di samping memelihara kepentingan ahli-ahli waris Islam yang terlibat.

g). Memandangkan terlalu banyak agensi yang terlibat dalam urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka sama ada agensi di bawah kerajaan negeri atau kerajaan pusat. satu bentuk kerjasama yang erat hendaklah diadakan. Ini secara tidak langsung, dapat mengelak sebarang masalah birokrasi dan kelewatian dalam proses menyelesaikan masalah pembahagian dan penurunan hak milik tanah kepada ahli-ahli waris yang baru.

h). Pihak kerajaan hendaklah menaikkan dan mempertimbangkan semula kos bayaran dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh Amanah Raya Berhad adalah tinggi. Ini memandangkan kos bayaran dan caj perkhidmatan yang ditetapkan menimbulkan masalah terutama bagi mereka yang kurang berkemampuan menggunakan perkhidmatan tersebut.

i). Pihak Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hendaklah mempercepatkan proses pengesahan melalui ('*Notice of Application*') iaitu bagi memastikan sama ada tiada tuntutan yang sama dikemukakan terhadap harta si mati atau sebaliknya. Ini memandangkan terdapat kemudahan komputer yang membolehkan sistem talian terus (*on-line*) diadakan di semua agensi yang terlibat dengan urusan pembahagian harta pusaka.

j). Pihak berkuasa negeri hendaklah menyediakan perkhidmatan komputer bagi memudahkan pihak Mahkamah Syariah

mengeluarkan Sijil Akuan Faraid dan melaksanakan pembahagian dengan cepat dan tepat. Ini memandangkan terdapatnya perisian komputer yang dapat membantu mempercepatkan urusan pembahagian terutama dalam kes yang melibatkan tuntutan bertindih.

k). Memperkenalkan undang-undang pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam bagi mengantikan Akta Harta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah ditegaskan bahawa sistem pembahagian pusaka yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Daerah Muar adalah berdasarkan kepada sistem pusaka Islam. Ini berdasarkan kepada kaedah pembahagian yang diamalkan dalam menyelesaikan pembahagian harta tersebut. Kaedah pembahagian itu merangkumi kaedah pembahagian secara *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (muafakat). Kedua-dua kaedah pembahagian ini digunakan ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Dalam menentukan kaedah pembahagian bula, ahli-ahli waris diberikan kebebasan untuk menentukan kaedah yang dipersetujui mereka tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Tetapi dalam melaksanakan kaedah *farā'id* ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan, ia dilakukan di atas budi bicara Pegawai Pentadbir Pusaka. Ini memandangkan terdapat sekatan

di dalam seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menghalang sebarang pemilikan secara beramai-ramai atau melakukan pecah hakmilik sebahagian tanah milik persendirian.

Di samping itu, hasil analisis yang dibuat ke atas pemakaian kaedah pembahagian tersebut didapati. sebahagian besar ahli-ahli waris telah memilih kaedah persetujuan bersama (muafakat) dalam menyelesaikan urusan pembahagian pusaka sama ada ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Ini memandangkan melalui kaedah pembahagian tersebut, urusan pembahagian pusaka dapat diselesaikan dengan segera. Secara tidak langsung, pemakaian kaedah ini dapat memudah dan mempercepatkan urusan bindah milik harta kepada ahli-ahli waris si mati.